



KEMENTERIAN KEMAJUAN TANAH DAN KEMAJUAN WILAYAH,
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PERUNDANGAN TANAH,
TINGKAT 14 WISMA KERAMAT,
JALAN GURNEY,
KUALA LUMPUR 15-02

Rujukan kami: Bil.(1 8)d/m.KKTKW(S)596

Tarikh: 13hb Jun 1984.

PEKELILING KPTG 1/84

Semua Pengarah Tanah & Galian Negeri.

Pengumpulan Maklumat-maklumat Asas Bagi Mewujudkan Sistem Pentadbiran Tanah Berkomputer di Pejabat-pejabat Tanah

Pekeliling ini dikeluarkan sebagai susulan kepada usaha dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengutip dan mengumpul maklumat-maklumat asas untuk mewujudkan sebahagian sistem pentadbiran tanah berkomputer di Pejabat-pejabat Tanah seperti yang telah dipersetujui dalam Persidangan Khas PTG pada 7hb Mei 1984 di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

2. Lanjutan kepada persetujuan-persetujuan yang telah dicapai melalui Persidangan tersebut, Pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil langkah bagi mengisikan butiran-butiran yang diperlukan di dalam borang-borang BDT5, BDT5A dan BDT 11 daripada Daftar Hakmilik yang terdapat di pejabat Pendaftar Hakmilik dan Pejabat Tanah. Contoh borang-borang bersama arahan dan panduan untuk mengisi adalah sepertimana di Lampiran 'A'. Koding untuk Negeri, Daerah, Mukim, Bandar/Pekan dan Seksyen adalah sepertimana di Lampiran 'B'.

3. Struktur dan program-program komputer untuk melaksanakan serta menyelenggarakan sistem ini adalah di dalam penyediaan dan akan dibekalkan ke pejabat-pejabat tanah bersama alat-alat komputer mikro oleh pihak Kementerian. Adalah juga difahamkan beberapa buah Negeri telahpun mengambil tindakan untuk mewujudkan *sistem pentadbiran tanah berkomputer* dan telahpun membeli atau akan menggunakan alat komputer yang sedia ada di pusat tertentu di Negeri itu. Untuk menjimatkan peralatan komputer, perlulah Kementerian ini tahu akan Daerah-daerah yang berkenaan yang tiada memerlukan bekalan komputer mikro itu.

4. Untuk maksud pengutipan data adalah disyorkan bahawa pejabat Pendaftar Hakmilik dan Pejabat Tanah menggunakan tenaga kerja yang sedia ada. Latihan sewajarnya untuk kakitangan-kakitangan yang terpilih adalah di dalam perancangan untuk menyediakan mereka bagi menjalankan dan menyelenggarakan sistem komputer yang dicadangkan ini. Bagi pengutipan data dalam borang yang telah ditetapkan itu latihan khusus dan Kementerian ini hendaklah dielakkan untuk menjimatkan kewangan.

5. Jadual pelaksanaan untuk mewujudkan *sebahagian* sistem pentadbiran tanah berkomputer disertakan sebagai Lampiran 'C'.

6. Tindakan

Sukacita kiranya Pengarah-Pengarah Tanah dan Galian membuat arahan-arahan untuk tindakan seperti berikut:

- (a) Memulakan pengutipan data-data di atas borang BDT5, BDT5A dan BDT 11 di peringkat Pejabat Pendaftar Hakmilik, Daerah dan Daerah Kecil serta-merta;
- (b) Memberitahu pihak Kementerian akan Daerah/Daerah Kecil yang tidak memerlukan bekalan alat komputer mikro;
- (c) Menghubungi mereka-mereka berikut atas segala pertanyaan/kemusykilan:

Encik Ibrahim bin Shamsuddin — Tel. 928692

Encik Mohamed b. Ismail — Tel. 980255


Puan Azizah Hamzah —sama—

Encik Abdul Rashid Nawang —sama—

Cik Siti Rohani Yusup —sama—

Encik Arshad Wagiman —sama—

7. Sukacita dapat maklumat yang diperlukan seperti di perenggan 6(b) di atas diberitahu ke Kementerian ini tidak lewat daripada akhir bulan Julai 1984.



DATUK HJ. ZAINAL ABIDIN BIN HJ. NORDIN,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah

sk:

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kemajuan Tanah & Kemajuan Wilayah,
Tingkat 3, Bangunan FELDA,
Jalan Perumahan Gurney,
KUALA LUMPUR.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pemungut Hasil Tanah.

4. KEGUNAAN:
59 62

5. SEKATAN KEPENTINGAN
63 64


6. BILANGAN PEMILIK/
PEGANGAN AMANAH, PIHAK:
65 67

C. MAKLUMAT AM

1. TANAH DALAM PIHAK BERKUASA/
RANCANGAN TANAH: NYATAKAN
68 70 0/0/0 = TIDAK BERKENAAN

2. TANGGUNGAN LOT
JENIS TANGGUNGAN: 0 = TIDAK BERKENAAN
71

3. TANAH DALAM PROSES PEMBANGUNAN
TIDAK BERKENAAN/BERKENAAN
0 = TIDAK BERKENAAN
1 = BERKENAAN



(A) (I) KOD JENIS PEMBANGUNAN: _____

73

(II) No. RUJUKAN: JILID

73 76

FOLIO

77 79

(III) TARIKH DAN JAM DIDAFTRAKAN

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| JAM | MINIT | HARI | BULAN | TAHUN |
| <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> |

80 83 84 85 86 87 88 91

(IV) KELUASAN (BAGI KES PENGAMBILAN)

| | | |
|----------------------|--|---|
| <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> |
|----------------------|--|---|

92 93 100 101 104

(B) (I) KOD JENIS PEMBANGUNAN: _____

105

(II) No. RUJUKAN: JILID

106 109

FOLIO

110 112

(III) TARIKH DAN JAM DIDAFTRAKAN

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| JAM | MINIT | HARI | BULAN | TAHUN |
| <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> |

113 116 117 118 119 120 121 124

(IV) KELUASAN (BAGI KES PENGAMBILAN)

| | | |
|----------------------|--|---|
| UNIT | KELUASAN | PERPULUHAN |
| <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> |

125 126 133 134 137

MAKLUMAT HAKMILIK DAFTAR (MAKLUMAT ASAS)

BDT5

A. MAKLUMAT PENGENALAN

Maklumat Pengenalan ini terdiri dari Maklumat Negeri 2R, Daerah 2R, Mukim 2R, Bandar 2R, Seksyen 2R, Jenis DHD No. DHD 6R. Maklumat-maklumat inilah sebagai pengenalan kepada setiap Dokumen Hakmilik.

Cara Mengisi Borang


Contoh 1

| NEGERI PAHANG | DAERAH BENTONG | MUKIM PELANGAI | BANDAR T/B | SEKSYEN | J.SHM EMR | NO.SHAM |
|------------------|-------------------|-------------------|---------------|---------|--------------|-------------|
| 0 6 | 0 2 | 0 3 | 0 0 | 0 0 | 0 1 | 0 0 1 2 0 7 |

NEGERI: Anda dikehendaki menggunakan kod yang disediakan dalam lampiran A iaitu kod untuk mengisi ruangan R1 dan R2. Bagi Negeri Pahang kodkan 0/6. Lihat *Contoh 1*.

DAERAH: Negeri Pahang mempunyai 10 buah daerah. Di sini disediakan kod Daerah untuk negeri Pahang bagi tujuan merekodkan maklumat Daerah yang berkenaan ke dalam R3 dan R4.

| <i>Kod</i> | <i>Daerah</i> |
|------------|-------------------|
| 01 | Kuantan |
| 02 | Bentong |
| 03 | Raub |
| 04 | Cameron Highlands |
| 05 | Rompin |
| 06 | Pekan |
| 07 | Jerantut |
| 08 | Lipis |
| 09 | Temerloh |
| 10 | Maran |



Sila lihat *contoh 1* yang diberi yang mana R3 dan R4 dengan 0/2 bagi Daerah Bentong.

Mukim: Di bawah inii disediakan kod mukim bagi Daerah Bentong. Cuma terdapat tiga buah mukim sahaja bagi daerah ini.

| <i>Kod</i> | <i>Mukim</i> |
|------------|--------------|
| 01 | Bentong |
| 02 | Sabai |
| 03 | Pelangai |

Gunakan kod mukim ini bagi merekodkan mukim ke dalam R5 dan R6. Sekiranya Dokumen Hakmilik Daftar (DHD) itu terletak di dalam kawasan Bandar atau Pekan yang tidak tercatat nama mukim kodkan 0/0 dalam R5 dan R6 ini. Walau bagaimanapun sekiranya Dokumen Hakmilik Daftar (DHD) ini berada dalam pekan yang tercatat nama mukim seperti *Pekan Ketari Mukim Pelangai* anda dikehendaki merekodkan ruangan-ruangan ini seperti berikut.

Contoh 2

| /0/6 | | /0/2 | | /0/3 | | /4/4 | |
|------|---|------|---|------|---|------|--|
| 1 | 2 | 34 | 5 | 6 | 7 | 8 | |

BANDAR: Bahagian ini akan digunakan bagi merekodkan maklumat *Bandar atau Pekan* Bagi Daerah Bentong gunakan kod yang diberikan di bawah ini atau kod Bandar/Pekan di Lampir A.

| Kod | Bandar/Pekan (Daerah Bentong) |
|-----|----------------------------------|
| 02 | Bentong |
| 12 | Karak |
| 23 | Manchis |
| 10 | Telemong |
| 44 | Ketari |

Anda dikehendaki kodkan Bandar atau Pekan tersebut ke dalam R7 dan R8. Sekiranya Dokumen Hakmilik Daftar tersebut berada dalam Mukim anda hendaklah merekodkan 0/0 menandakan R7 dan R8 tidak berkenaan. Lihat *Contoh 1*.

SEKSYEN. Seksyen dirujuk pada Pecahan Bandar. Anda dikehendaki menggunakan kod sebenar bagi tujuan merekodkan ke dalam ruangan-ruangan ini. Misalnya jika Seksyen 4 Bandar Bentong, kodkan 0/4 dalam R9 dan R10. Sekiranya Dokumen Hakmilik Daftar (DHD) ini berada dalam mukim atau dalam bandar/pekan yang tidak mempunyai seksyen, dan dikehendaki kodkan 0/0 pada R9 dan R10. Ini menandakan bahagian ini tidak berkenaan. Lihat *Contoh 1*.

JENIS DOKUMEN HAKMILIK DAFTAR. Jenis Dokumen Keluaran Hakmilik adalah geran tanah yang didaftarkan di dalam satu-satu daerah unit pentadbiran tanah. Jenis Dokumen Hakmilik Daftar ini adalah 'title' atau tajuk kepada Dokumen Keluaran Hakmilik. Jadinya tercatat di atas Dokumen tersebut. Untuk melicinkan dan memudahkan kerja-kerja pentadbiran dan pengurusan, tiap-tiap Dokumen Keluaran Hakmilik ini dibukukan atau dijilidkan mengikut jenis-jenisnya tersendiri. Anda dikehendaki menggunakan kod jenis Dokumen Keluaran Hakmilik yang terdapat di dalam Lampiran B bagi tujuan merekodkan dalam R11 dan R12. Lihat *Contoh 1* yang menunjukkan jenis SHM tersebut adalah E.M.R. iaitu dikodkan sebagai 0/1 dalam R11 dan R12.

NO. DOKUMEN HAKMILIK DAFTAR: Tiap-tiap Dokumen Hakmilik Daftar mempunyai nombornya. Anda hendaklah menggunakan kod sebenar. Misalnya E.M.R. 1207 yang terdapat pada *Contoh 1*. Pada *Contoh 1* itu cara merekodkan nombor Dokumen Hakmilik Daftar tersebut 0/1/2/0/7 pada R13 hingga R18.

2. **TARIKH PENDAFTARAN:** Adalah tarikh Dokumen Keluaran Hakmilik itu didaftarkan. Ini disediakan 3 ruangan iaitu untuk hari 2R, bulan 2R dan tahun 4R. Contohnya Dokumen Hakmilik Daftar didaftarkan pada 18 Feb. 1980. Anda dikehendaki mencatat tarikh tersebut dan kemudian kodkan dalam R19 hingga R26 seperti berikut:

1/8/0/2/1/9/8/0

3. (a) **TEMPOH PAJAKAN:** Sekiranya Dokumen Hakmilik Daftar tersebut adalah SHM Pajakan anda dikehendaki mencatat tempoh tersebut dalam tahun di atas ruangan yang bergaris dan kodkan ke dalam R27 dan R29 dengan menggunakan kod sebenar. Contohnya pajakan Negeri 99 tahun kodkan 0/9/9 dalam R27 hingga R29. Sekiranya Dokumen Hakmilik Daftar Pajakan kodkan di ruangan ini 0/0/0 yang mana ia akan menunjukkan R27 dan R29 tidak berkenaan.

(b) **TARIKH LUPUT:** Ia juga bagi DHD Pajakan. Anda hendaklah mencatat haribulan/tarikh luputnya pada ruangan yang bergaris dan kodkan hari, bulan dan tahun dalam R30 hingga R37. Contohnya, Tarikh Luput Pajakan tersebut ialah pada 3hb Mac, 2010. Anda dikehendaki kod seperti berikut:

0/3/0/2/0/1/0

B. MAKLUMAT ASAS

Seperti yang telah dinyatakan di bahagian pendahuluan, bahagian ini adalah untuk mengutip maklumat-maklumat asas tentang sesuatu Dokumen Hakmilik.

Cara Mengisi Borang

1. *No. Lot/Plot/PT* Anda dikehendaki membezakan antara nombor Lot dan No. Plot atau No. PT dengan menggunakan kod yang diberikan:

| | |
|-------|-----------|
| Kod 1 | =No. Lot |
| Kod 2 | =No. Lot |
| Kod 3 | =No. P.T. |

Sekiranya nombor lot 1003 anda dikehendaki mencatat perkataan Lot pada bahagian unit yang bergaris dan kodkan 1 dalam R36. Kemudian rekodkan nombor tersebut ke dalam R39 hingga R44 seperti berikut:

0/0/1/0/0/3

Arahan Tambahan

1. Sekiranya terdapat dua nombor lot dalam satu Dokumen Hakmilik anda dikehendaki merekodkan lot yang terbesar, kemudian untuk merekodkan keluasannya anda dikehendaki mencampur kedua-dua keluasan itu sebagai satu.

Contoh:

CT: 4247 MUKIM PELANGAI

Lot: 118, Luas: 1Ø59 e 2r ØØ p
117, Luas: 429 e 3 r ØØ p

Kodkan: CT: 4257, Mukim PELANGAI, LOT 118,

LUAS: 1489 e 1r ØØp

Bagi kes seperti ini anda hendaklah memberi tahu kepada penyelia anda.

ii. Bagi setengah-setengah kes Q.T.(M) anda akan terdapat nombor lotnya yang berbeza dan nombor-nombor yang lain. Contohnya:

| | |
|-------|-----------|
| (i) | — 2Ø18/59 |
| (ii) | — 5 |
| (iii) | — 115/55 |

Kod bahagian unit sebagai PT dan R38 sebagai 3.

CONTOHNYA:

| | | | | | | | | | |
|----|----|--|----|---|---|---|---|----|--|
| i. | 3 | | 2 | 0 | 1 | 8 | 5 | 9 | |
| | 38 | | 39 | | | | | 44 | |


| | | | | | | | | | |
|-----|----|--|----|---|---|---|---|----|--|
| ii. | 3 | | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 5 | |
| | 38 | | 39 | | | | | 44 | |

| | | | | | | | | | |
|------|----|--|----|---|---|---|---|----|--|
| iii. | 3 | | 0 | 1 | 1 | 5 | 5 | 5 | |
| | 38 | | 39 | | | | | 44 | |

2. *Tanah Simpanan Melayu/Tanah Pegangan Melayu:* Tujuannya adalah untuk mengetahui kedudukan lot tersebut sama ada berada dalam Simpanan Melayu atau tidak. Jika lot tersebut berada dalam Simpanan Melayu, akan terdapat cop SIMPANAN MELAYU dalam Dokumen Hakmilik (DHD) tersebut biasanya di muka dengan Surat Hakmilik. Anda cuma dikehendaki mencatatkan Kod 1 dalam ruangan 45. Sekiranya tanah ini pegangan Melayu (dimiliki oleh orang Melayu melalui Malacca Customary Land, Malay Reservation Enactment Terengganu (Malay Holding) dan lain-lain yang serupa) anda hendaklah mencatatkan Kod 2. Sekiranya tidak berkenaan anda hendaklah dikodkan.

3. *Unit, Keluasan dan perpuluhan:* Memandangkan terdapat berbagai-bagai jenis unit pengukuran luas yang masih digunakan di pejabat-pejabat tanah maka di sini anda dikehendaki menggunakan keluasan sebenar yang terdapat di dalam SHM tersebut. Di bawah ini disediakan kod bagi unit-unit keluasan. Gunakan kod di bawah untuk diisi ke dalam petak unit 46.

| <i>Kod</i> | <i>Unit</i> |
|------------|---------------------|
| 1 | Ekar, Rood, Pole |
| 2 | Kaki persegi |
| 3 | Meter persegi |
| 4 | Hektar |
| 5 | Ekar dan perpuluhan |



Contoh 1: Keluasan : 5 ekar 3 rood 30 pole

| | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Ø | Ø | Ø | Ø | 5 | 3 | 3 | Ø | Ø | Ø | Ø |
| | E | E | E | E | E | R | P | P | | | |

Perhatian: Kod unit 1 digunakan kerana unitnya adalah EKAR, ROOD, POLE. Bagi bahagian keluasan pula dibahagikan kepada tiga. 5 petak digunakan untuk EKAR, 1 petak untuk ROOD dan 2 petak untuk POLE. Manakala 4 petak perpuluhan itu akan digunakan jika terdapat angka selepas titik perpuluhan.

Contoh 2: Ekar, perpuluhan.
Keluasan = 5.0 = 5 ekar

| | | |
|------|----------|-------|
| UNIT | KELUASAN | PERP. |
| 5 | 0 | Ø |
| | 0 | Ø |
| | 0 | Ø |
| | 0 | Ø |
| | 0 | Ø |
| | 0 | Ø |
| | 1 | Ø |
| | 0 | Ø |

Contoh 3: Kaki Persegi

Keluasan = 30010 kp

| UNIT | KELUASAN | PERP. |
|------|-----------------|---------|
| 2 | 0 0 0 3 0 0 1 0 | 0 0 0 0 |

4. **KEGUNAAN TANAH:** Anda perlu merujuk kepada Lampiran A1 untuk mencatat kod Kegunaan Tanah dalam bahagian yang disediakan dalam ruangan 59 hingga 61.

5. **Sekatan kepentingan:** Sekatan Kepentingan adalah sekatan yang dikenakan ke atas Dokumen Hakmilik tertentu oleh pihak yang melupuskan tanah. Contohnya "Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran bertulis daripada"

Anda dikehendaki menggunakan kod sekatan kepentingan dalam ruangan 62 dan ruangan 63.

| Kod | Sekatan Kepentingan |
|-----|--|
| 00 | — Tidak Berkenaan |
| 01 | — Pihak Berkuasa Negeri (Raja/Gabenor dalam mesyuarat) |
| 02 | — Menteri Besar/Ketua Menteri |
| 03 | — Pegawai Daerah/Pemungut Hasil Tanah. |

6. Bilangan pemilik/pemegang amanah/pihak berkepentingan.

Anda dikehendaki mencatatkan bilangan sebenar pemilik-pemilik, pemegang amanah, pemegang-pemegang gadaian dan sebagainya. Kodkan bilangan tersebut dalam ruangan 64 hingga ruangan 66. Tujuan ruangan ini diisi adalah kerana tiap-tiap pemilik dan mereka yang berkepentingan seperti yang dinyatakan di atas dikehendaki mengisi pula borang BDT 5A.

C. MAKLUMAT AM

Tujuan utama bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih umum yang terdapat pada satu-satu Dokumen Hakmilik Daftar (DHD).

1. **Tanah Dalam Pihak Berkuasa/Rancangan Tanah:** Anda dikehendaki menggunakan kod berasaskan contoh kod yang terdapat dalam lampiran A5 untuk diisi dalam ruangan 67 hingga ruangan 69. Yan dimaksudkan tanah dalam pihak berkuasa di sini ialah sama ada lot tersebut berada dalam kawasan Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah. Tanah yang terlibat dengan rancangan tanah pula ialah yang dimaksudkan tanah yang dikeluarkan melalui Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 seperti rancangan FELDA, FELCRA, RISDA, Tanah pinggir dan sebagainya. Maklumat yang didapati dalam rancangan tersebut tidak serupa sepertimana yang terdapat dalam rancangan tersebut tidak serupa sepertimana yang terdapat dalam Dokumen Hakmilik Daftar (DHD) dan dijangka akan membawa kekeliruan sekiranya maklumat ini dijadikan sebagai input dalam komputer. Adalah lebih sesuai maklumat-maklumat ini didapati terus dan badan-badan yang menjalankan rancangan itu. Oleh yang demikian maklumat di bawah penempatan berkelompok hendaklah diasingkan dan tidak dimasukkan ke dalam komputer.

2. **Tanggung Lot:** Yang dimaksudkan dengan Tanggungan Lot adalah bebanan yang harus ditanggung oleh Dokumen Hakmilik Daftar (DHD).

Jenis Tanggungan: Anda hendaklah mencatat jenis tanggungan jika Dokumen Hakmilik Daftar (DHD) itu menanggung bebanan pada ruangan yang bergaris kemudian gunakan kod di bawah untuk merekodkan dalam ruangan 70.

| Kod | Jenis Tanggungan |
|-----|------------------|
| 0 | Tidak berkenaan |
| 1 | ISMEN |
| 2 | Hak Lalu-Lalang |

3. *Tanah Dalam Proses Pembangunan:* Ini adalah untuk mengetahui sama ada Dokumen Hakmilik Daftar (DHD) tersebut terlibat dengan proses-proses pembangunan atau tidak. Anda dikehendaki mencatat pada ruangan yang bergaris sama ada berkenaan atau tidak dan kodkan seperti di bawah dalam ruangan 71.

| | | |
|-------|---|---|
| Kod 0 | — | Tidak berkenaan dengan proses pembangunan |
| Kod 1 | — | Berkekaan - dalam proses pembangunan |

Di bawah mi disediakan kod-kod jenis suratcara pembangunan yang terlibat. Gunakan kod berikut untuk merekod dalam R85.

| Kod | Jenis Pembangunan |
|-----|------------------------|
| 1 | Pecah Bahagian |
| 2 | Tukar Syarat |
| 3 | Pecah Sempadan |
| 4 | Cantuman |
| 5 | Pengambilan Seksyen 8 |
| 6 | Pengambilan Seksyen 22 |

(a) (i) *Jenis Pembangunan:* Jenis pembangunan ini akan dicapkan dalam Dokumen Hakmilik Daftar (DHD) sekiranya proses-proses pembangunan terlibat dengan Dokumen Hakmilik Daftar (DHD). Anda hendaklah memilih jenis pembangunan di atas paling terakhir.

Bagi pengambilan balik tanah, lazimnya akan terdapat seksyen 4, kemudian diikuti seksyen 8 dan seterusnya seksyen 22. Bagi pengambilan seksyen 4, anda tidak perlu mengambalnya sebagai kes pembangunan. Cuma yang terlibat dengan pembangunan ini adalah apabila seksyen 8 dan seksyen 22. Sekiranya terdapat kedua-dua seksyen ini anda perlu meninggalkan seksyen 8 kerana seksyen 22 adalah diutamakan sebagai jenis pembangunan yang paling terakhir. Kodkan jenis pembangunan berbandukan kod yang disediakan seperti di para 3 dalam R68.

(ii) *Rujukan - Jilid dan Folio:* Biasanya akan tercatat bersama-sama dengan jenis pembangunan di atas tiap-tiap Dokumen Hakmilik Daftar (DHD) yang berkenaan. Anda dikehendaki mencatat nombor jilid dalam ruangan 73 hingga R76 dan nombor folio dalam R77 hingga R79. Bagi No. jilid yang mempunyai No. Roman seperti XXIX anda hendaklah mengubah jadikan 29 iaitu nombor biasa. Sila rujuk Lampiran A4 Jadual Nombor Roman.

(iii) *Tarikh dan Jam Didaftarkan:* Ini juga akan dicapkan bersama-sama dengan jenis suratcara yang berkenaan di atas Dokumen Hakmilik Daftar (DHD) tersebut. Jadi anda dikehendaki merekodkan masa dan haribulan suratcara itu didaftarkan. Contohnya, 2.45 petang 13hb. Mac, 1980. Anda hendaklah kodkan begini : Petak jam R76 dan R79 pukul 2.45 jadikan pukul 14.45 dan kodkan 1/4/3/5 kemudian kodkan haribulan 1/3/0/3/1/9/8/0 dalam R80 hingga ruangan R91.

(iv) *Keluasan:* Ini dikhaskan bagi kes pengambilan sahaja. Sekiranya bukan jenis pembangunan ini anda kodkan '0' dalam petak 'Unit' itu R92. Bagi kes pengambilan anda dikehendaki gunakan kod unit keluasan dalam R93 hingga R104 dan kemudian kodkan luas sebenar yang diberikan sebagaimana arahan yang diberikan dalam para 3.

(b) *Perhatian:* Bahagian ini sama dengan bahagian 3(a) di mana ditunjukkan cara untuk menggunakan kod dan petak-petak yang disediakan. Bahagian ini disediakan kerana dirasakan perlu untuk mengutip maklumat-maklumat tentang jenis pembangunan yang berjalan serentak. Contohnya, permohonan Tukar Syarat dengan permohonan Pecah Sempadan Tanah. Sekiranya kes semacam ini berlaku anda dikehendaki mengutip maklumat Tukar Starat ke dalam bahagian 3(a) dan maklumat Pecah Sempadan Tanah dalam bahagian 3(b).

DOKUMEN HM DAFTAR (MAKLUMAT PIHAK KEPENTINGAN)

BDT 5A

A. MAKLUMAT PENGENALAN SHM

| | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|----|----|----|----|--|--|--|----|
| NEGERI | DAERAH | MUKIM | BANDAR | SEKSYEN | JSHM | No.SHAM | | | | | | | | | | |
| <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> | <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> | | | | | | | | | | |
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | | | | 18 |

B. MAKLUMAT KEPENTINGAN KE ATAS PEMILIKAN

1. JENIS KEPENTINGAN: (SURATCARA) _____
9 20
2. No. RUJUKAN : JILID
21 24 FOLIO
25 27
3. TARIKH PENDAFTARAN:
HARI BULAN TAHUN
28 29 30 31 32 35
4. TARAF KEPENTINGAN KE ATAS PEMILIKAN: _____
36 37
5. NAMA KEPENTINGAN KE ATAS PEMILIKAN: _____
38 53
53 67
6. No. KAD PENGENALAN
68 75
7. WARNA:
76
8. KEWARGANEGARAAN
77

9. No. PASPOT
UNTUK WARGANEGARA
ASING SAHAJA

| | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

78

87

10. KATEGORI : NYATAKAN _____

| | |
|--|--|
| | |
|--|--|

88

89

11. No. SIJIL PENDAFTARAN BAGI
SYARIKAT PERNIAGAAN
ATAU PERTUBUHAN

| | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

90

99

100

119

12. ALAMAT:

| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

120

139

13. BAHAGIAN YANG DIMILIKI

PENYEBUT

PEMBILANG

| | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|


140

147

| | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

148

155



**MAKLUMAT HAKMILIK DAFTAR (MAKLUMAT PIHAK
PEMILIK/PIHAK BERKEPENTINGAN)**

BDT 5A

Pendahuluan

Tujuan utama borang *BDT5A* ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan pihak-pihak yang berkepentingan ke atas setiap Dokumen Hakmilik Keluaran. Yang dimaksudkan dengan pihak-pihak berkepentingan itu adalah seperti pemilik atau pemilik-pemilik, pemegang/pemegang-pemegang amanah, pemegang gadaian dan lain-lain yang mempunyai kepentingan ke atas Dokumen Hakmilik Daftar (DHD) tersebut.

BDT 5A ini dibahagikan kepada dua bahagian. Pertamanya Maklumat Pengenalan dan bahagian kedua Maklumat Kepentingan ke atas pemilikan.

A. *MAKLUMAT PENGENALAN*: Seperti yang telah dinyatakan dalam bahagian pendahuluan Borang BDT 5 maklumat pengenalan ini adalah maklumat-maklumat asas kepada satu-satu Dokumen Hakmilik. Di samping itu juga ianya akan dijadikan sebagai 'penghubung' kepada mana-mana borang yang berurusan dengan Dokumen Hakmilik tersebut. Maklumat ini mempunyai 18 ruangan/petak. Ianya mengandungi Maklumat Negeri (R1-R2), Daerah (R3-R4), Mukim (R5-R6), Bandar (R7-R8), Seksyen (R9-R10) jenis DHD (R11-R12) dan Nombor DHD (R13-R18).

B. *MAKLUMAT Kepentingan Ke atas Pemilikan*: Maklumat-maklumat yang dimasukkan dalam bahagian ini adalah Jenis Kepentingan/Suratcara (R19-R20). No. Rujukan Suratcara tersebut iaitu Jilid dan Folio (R21-R27), Tarikh Suratcara itu didaftarkan termasuk dengan masa (R23-R39), Taraf Kepentingan ke atas Pemilikan (R36-R37), Nama(R36-R37), No. Kad Pengenalan (R68-R75), Wama Kad Pengenalan (R76), Kewarganegaraan (R77) No. Passport jika berkenaan (R78-87), Kategori (R88- R89), Sijil Pendaftaran Syarikat/Perniagaan/Pertubuhan jika berkenaan (R90-R99), Bahagian yang dimiliki termasuk penyebut dan pembilang (R140- R 155).

A. MAKLUMAT PENGENALAN

Maklumat Pengenalan ini terdiri dari Maklumat Negeri 2R, Mukim 2R, Bandar 2R, Seksyen 2R, Jenis DHD, 2R dan No DHD 6R. Maklumat-maklumat inilah sebagai pengenalan kepada setiap Dokumen Hakmilik yang telah dikeluarkan.

Cara Mengisi Borang

Contoh 1

| NEGERI <i>Pahang</i> | DAERAH <i>Bentong</i> | MUKIM <i>Pelanggi</i> | BANDAR <i>TIB</i> | SEKSYEN | J.SHM <i>EMR</i> | NO.SHAM |
|-------------------------|--------------------------|--------------------------|----------------------|---------|---------------------|-------------|
| 0 6 | 0 2 | 0 3 | 0 0 | 0 0 | 0 1 | 0 0 1 2 0 7 |

BDT 5A 2/6

B. MAKLUMAT KEPENTINGAN KE ATAS PEMILIKAN

Bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai mana-mana pihak yang berkepentingan ke atas pemilikan di setiap Dokumen Hakmilik. Bagi mendapatkan maklumat-maklumat mereka yang berkepentingan ini, penelitian haruslah dibuat ke atas Dokumen Hakmilik dan juga ke atas suratcara-suratcara yang ada kaitannya dengan Dokumen Hakmilik tersebut.

1. Jenis Kepentingan (Suratcara)

Ini adalah untuk mengetahui apakah jenis kepentingan pihak-pihak yang berkenaan ke atas Dokumen Hakmilik tersebut. Sebagai contohnya, Bank Bumiputra sebagai pihak yang berkepentingan ke atas Dokumen Hakmilik: Geran Negeri 100 dan setelah kita meneliti DHD tersebut, kita dapati Ali sipemilik telah menggadaikan DHD itu kepada Bank, jadi jenis kepentingan yang dimaksudkan di sini ada *Gadaian*.

Terdapat tiga tujuan utama dalam kita mendapatkan maklumat jenis kepentingan ini.

- (a) Untuk mengetahui jenis-jenis kepentingan bagi pihak-pihak yang bersangkutan dengan satu-satu Dokumen Hakmilik.
- (b) Sumber untuk mendapatkan alamat. Kita memang tahu alamat pemilik/pihak yang berkepentingan tidak tercatat di atas DHD jadi salah satu sumber untuk mendapatkan alamat adalah dengan jalan merujuk kepada fail-fail suratcara ini.
- (c) Maklumat kepentingan ini penting sebagai sumber rujukan kepada maklumat-maklumat asal Dokumen Hakmilik Daftar terutama bagi tujuan 'carian' (search).

Anda dikehendaki mencatat jenis kepentingan (Suratcara) di atas ruangan yang bergaris dan kemudian kodkan, gunakan kod jenis Suratcara Kepentingan yang diberikan ini ke dalam R 19 dan R20. Catatkan pemilik pertama sekiranya Dokumen Hakmilik Daftar itu tidak terdapat sebarang suratcara.

2. No. Rujukan

Ini adalah nombor yang memberi panduan di bahagian manakah suratcara-suratcara itu boleh dirujuk. Anda dikehendaki mengambil No. Jilid dan Folio suratcara tersebut. Catatkan di ruangan yang bergaris dan kemudian kodkan No. Jilid dalam R21 hingga R24 dan No. Folio R25 hingga R27. Bagi jilid yang mempunyai No. 'Romans' seperti XLIX anda hendaklah kodkan nombor biasa seperti **49** - Lihat Lampiran A4 Jadual Nombor roman.

3. Tarikh Pendaftaran

laitu haribulan suratcara itu didaftarkan. Anda dikehendaki mencatat tarikhnya pada ruangan yang bergaris dan kemudian kodkan hari pada R28 dan R29, bulan R30 dan R3 1 dan tahun pada R32 hingga R35. Cara untuk merekodkan tarikh pendaftaran ini anda boleh merujuk kepada BDT5 bahagian Tarikh Pendaftaran.

4. Tarikh Pendaftaran

Tarikh dirujuk kepada tarikh pendaftaran suratcara itu didaftarkan. Anda akan dapati masa dalam jam dan minit bersama dengan Tarikh Pendaftaran Suratcara dalam Dokumen Hakmilik Daftar yang berkaitan. Hanya catatkan tarikh yang diberikan itu dalam ruangan yang bergaris kemudian kodkan dalam R28 hingga R35. Cara untuk merekodkan tarikh masa ini boleh dirujuk kepada keterangan yang telah diberi dalam Borang BDT5 bahagian Tarikh dan Jam didaftarkan.

5. Taraf Kepentingan Ke atas Pernilikan

Yang dimaksudkan taraf kepentingan di sini adalah taraf mana-mana pihak yang berkepentingan di atas Dokumen Hakmilik tersebut. Contohnya Geran Mukim 101, ½ bahagian dipunyai oleh Ali, ½ bahagian lagi sebagai Pemegang Amanah kepada Amir. Jadi di sini anda perlu mengisi *dua* borang BDT5A. Borang yang pertama untuk *Ali* yang mana taraf kepentingannya adalah sebagai 'Pemilik'. Borang yang kedua juga untuk *Ali* yang mana taraf kepentingannya sebagai 'Pemegang Amanah'. Anda dikehendaki mencatat taraf kepentingan dalam ruangan yang bergaris dan kemudian kodkan dengan menggunakan kod taraf kepentingan di bawah ke dalam R36 hingga R37.

Kod

Taraf Kepentingan

- 01 Pemilik
- 02 Pemegang amanah
- 03 Pemegang gadaian oleh Bank bertaraf Bumiputra.
 - (a) Bank Bumiputra Malaysia Bhd.
 - (b) Malayan Banking
 - (c) Perwira Habib Bank
 - (d) Oriental Bank
 - (e) United Malayan Banking Corporation
 - (f) Bank Utama
 - (g) Bank of Commerce (Fleet Group)
 - (h) Kwong Yik Bank
 - (i) Sabah Bank
 - (j) Malaysian French Bank
- 04 Pemegang gadaian oleh Bank Asing
- 05 Pemegang gadaian oleh Bank Tempatan Selain daripada yang dinyatakan dalam kod 03
- 006 Pemegang gadaian oleh Institusi Kerajaan Persekutuan.
- 07 Pemegang pajakan
- 08 Pentadbir Pusaka (Administrator)
- 09 Pemegang kuasa (Executor)
- 10 Pemegang Pajakan Kecil
- 11 Pemasuk Kaveat
- 12 Penjaga (Untuk Negeri Terengganu)
- 13 Pemegang gadaian oleh Syarikat selain daripada yang telah diberi kod
- 14 Pemegang Gadaian selain daripada yang telah diberi kod.

6. *Narna Kepentingan Ke atas Pemilikan*

Nama-nama berkepentingan ini terdapat dalam Dokumen Hakmilik. Anda hendaklah mencatat nama tersebut dalam ruangan yang bergaris kemudian kodkannya dalam petak yang disediakan. Kodkan nama tersebut seperti yang tercatat di dalam Dokumen Hakmilik ke dalam R38 hingga R67. Sila lihat Lampiran A2 iaitu singkatan perkataan pemilik/pemegang amanah/pihak berkepentingan.

7. *No. Kad Pengenalan*

Terdapat bermacam-macam jenis nombor kad pengenalan. Ada kad pengenalan yang ada huruf di depan nombor dan ada juga yang mempunyai nombor kurang dan tujuh angka. Walau bagaimanapun Borang BDT5A ini menyediakan lapan ruang (R68 hingga R75). Setelah anda mencatat nombor kad pengenalan itu pada ruangan yang bergaris anda kodkan nombor-nombor tersebut dalam ruangan yang disediakan seperti berikut:

- (a) Bagi kes nombor kod pengenalan tujuh angka tanpa huruf:

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 7 | 6 | 5 | 4 | 3 | 2 | 1 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|

68 75

(b) Bagi nombor kad pengenalan tujuh angka ada huruf:

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| A | 7 | 6 | 4 | 3 | 5 | 1 | 2 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|

68 75

(c) Bagi nombor kad pengenalan dan huruf dan nombornya tidak sampai tujuh angka:

| | | | | | | | |
|--|--|---|---|---|---|---|---|
| | | T | 5 | 4 | 2 | 1 | 3 |
|--|--|---|---|---|---|---|---|

68 75

*Tinggalkan kosong dua ruangan iaitu R68 dan R89

(d) Bagi nombor kad pengenalan yang tidak sampai tujuh angka yang tidak mempunyai huruf anda hendaklah mengosongkan ruangan-ruangan yang bermula dan R68 dengan lain perkataan isikan sepenuhnya R75. Contohnya nombor kad pengenalan 645132 kodkan seperti:

| | | | | | | | |
|--|--|---|---|---|---|---|---|
| | | 6 | 4 | 5 | 1 | 2 | 3 |
|--|--|---|---|---|---|---|---|

68 75

Sekiranya pihak berkepentingan ke atas Dokumen Hakmilik tersebut adalah syarikat atau lain nama yang sememangnya tidak mempunyai nombor kad pengenalan anda dikehendaki kodkan.

| | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|

68 75

8. Warna

Kodkan warna kad pengenalan pihak-pihak berkepentingan ke atas Dokumen Hakmilik dalam R76. Gunakan kod yang diberi di bawah. Sebelum itu catatkan warna tersebut pada ruangan yang bergaris.

| Kod | Warna Kad Pen genalan |
|-----|-----------------------|
| 0 | Tidak Berkenaan |
| 1 | Biru |
| 2 | Merah |
| 3 | Coklat |
| 4 | Lain-lain. |

9. Kewarganegaraan

Kodkan kewarganegaraan pihak yang berkepentingan ke atas Dokumen Hakmilik itu dengan menggunakan kod yang diberi ke dalam R77.

| Kod | Kewarganegaraan |
|-----|---|
| 3 | Penduduk Tetap (Permanent Resident memegang Kad Pengenalan Merah) |
| 1 | Malaysia |
| 2 | Bukan Malaysia. |

10. No. Pasport (Untuk Warganegaraan Asing Sahaja).

Anda perlu mencatat dan merekodkan nombor passport dalam ruangan-ruangan yang disediakan. Kodkan nombor sebenar seperti yang tercatat dalam passport pihak yang berkenaan. R78 hingga R87 adalah ruangan yang disediakan.

11. *Kategori*

Ini adalah bertujuan untuk mengetahui kategori pihak-pihak yang berkepentingan ke atas Dokumen Hakmilik tersebut. Anda hendaklah menggunakan kod yang diberikan di bawah ini untuk tujuan merekodkan kategori tersebut dalam R88 dan R89. Catatkan juga kategori tersebut dalam ruangan yang bergaris.

| <i>Kod</i> | <i>Kategori</i> |
|------------|--|
| 01 | Orang Perseorangan Melayu |
| 02 | Orang Perseorangan Cina |
| 03 | Orang Perseorangan India |
| 05 | Orang Perseorangan Lain-lain |
| 06 | Kerajaan Persekutuan |
| 07 | Kerajaan Negeri |
| 08 | Badan Berkanun - Persekutuan |
| 09 | Badan Berkanun - Negeri |
| 10 | Penguasa Tempatan |
| 11 | Syarikat Perniagaan |
| 12 | Syarikat Kewangan |
| 13 | Bank |
| 14 | Badan-Badan Keagamaan Islam |
| 15 | Badan-Badan Keagamaan Cina |
| 16 | Badan-Badan Keagamaan Hindu/Cati/Sikh/Lain |
| 17 | Badan-Badan Keagamaan Kristian |
| 18 | Syarikat Pemaju Perumahan |
| 19 | Pertubuhan Guild Orang Cina |
| 20 | Lain-lain. |

14. *Sijil Pendaftaran*

Anda dikehendaki mencatat dan merekodkan nombor sijil pendaftaran syarikat, perniagaan atau pertubuhan jika ianya mempunyai kepentingan ke atas Dokumen Hakmilik tersebut. Jika tidak berkenaan atau sukar didapati tinggalkan kosong R90 dan R99.

15. *Alamat*

Tulis alamat pihak-pihak yang berkepentingn di atas ruangan yang bergaris dan kemudian kodkan alamat itu ke dalam petak R91 hingga R129 seperti alamat yang diberikan.

16. *Bahagian*

Bahagian mi adalah bahagian yang dimiliki atau dikuasai oleh setiap pihak-pihak yang berkepentingan di atas Dokumen Hakmilik tersebut. Tulis bahagian di dalam ruangan yang bergaris kemudian kodkan dalam R130 hingga R137 sebagai penyebut dan R138 hingga R145 pembilang. Lihat contoh-contoh di bawah:

| | | |
|--------------------------------------|---|----------------------|
| (i) Bahagian yang dimiliki : Kesemua | | |
| (a)Penyebut | : | 1 /0/0/0/0/0/0/1/ |
| (b)Pembilang | : | 1 /0/0/0/0/0/0/1/ |
| (ii) Bahagian yang dimiliki : 1/5 | | |
| (a)Penyebut | : | 1 /0/0/0/0/0/0/1/ |
| (b)Pembilang | : | 5 /0/0/0/0/0/0/5/ |
| (iii) Bahagian yang dimiliki : 27/81 | | |
| (a)Penyebut | : | 27 /0/0/0/0/0/0/2/7/ |
| (b)Pembilang | : | 81 /0/0/0/0/0/0/8/1/ |

PENTADBIRAN HASIL TANAH

BDT 11

1. MAKLUMAT PENGENALAN LOT

| | | | | |
|--------|--------|-------|--------|---------|
| NEGERI | DAERAH | MUKIM | BANDAR | SEKSYEN |
| 1 2 | 3 4 | 5 6 | 7 8 | 9 1 |

| | |
|-------------|--|
| J.DHD | NO. LOT/PLOPT/PT. |
| 12 13 18 19 | Lot = 1 Plot = 2 PT = 3 20 25 |

2. UNIT

| | | |
|----|-------|------------|
| 26 | 27 28 | PERPULUHAN |
| | | 35 38 |

3. KEGUNAAN TANAH :

| | |
|----|----|
| 39 | 41 |
|----|----|

4. TAHUN:

| | |
|----|----|
| 44 | 47 |
|----|----|

5. HASIL TANAH:

| | |
|---------|-------|
| RINGGIT | SEN |
| 48 52 | 53 54 |

6. CUKAI TALIAIR :


| | |
|---------|-------|
| RINGGIT | SEN |
| 55 58 | 59 60 |

7. DENDA LEWAT

| | |
|---------|-------|
| RINGGIT | SEN |
| 61 64 | 65 66 |

8. BAYARAN NOTIS 6A:

| | |
|---------|-------|
| RINGGIT | SEN |
| 67 68 | 69 70 |



9. HAPUSAN:

| RINGGIT | | | | SEN | |
|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| 71 | | | 74 | 75 | 76 |

10. KOD JENIS BAYARAN:

- 1 = Terlebih
- 2 = Kurang
- 3 = Dikecualikan

| KOD | RINGGIT | | | | SEN | |
|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| 77 | 78 | | | 81 | 82 | 83 |

11. REMISYEN:

| RINGGIT | | | | SEN | |
|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| 84 | | | 87 | 88 | 89 |



PENTADBIRAN HASIL TANAH

BDT 11

Borang BDT 11 ini direka khas bagi membentuk Sistem Kutipan Cukai Tanah dan Sistem Pengawasan Tunggakan yang merupakan salah satu bahagian utama di dalam Sistem Bank Data Tanah. Selaras dengan matlamat ini anda dikehendaki mengisi satu borang BDT 11 ini untuk setiap tahun tunggakan. Dengan kata lain, jika terdapat tunggakan dari tahun 1982 dan 1983, anda dikehendaki mengisi 3 set borang BDT 11 yang mana termasuk hasil tanah kini 1984.

1. MAKLUMAT PENGENALAN LOT

Maklumat pengenalan ini mengandungi maklumat-maklumat Negeri, Daerah, Mukim, Bandar, Seksyen, Jenis dan Nombor Dokumen Hakmilik dan No. Lot. Maklumat-maklumat ini penting sebagai penghubung bukan sahaja penghubung di antara tahun-tahun tunggakan yang ditanggung oleh lot tersebut malah ia juga sebagai penghubung dengan Sistem Dokumen Hakmilik Daftar serta lain-lain borang-borang BDT yang berurusan dengan Sistem Bank Data Tanah.

Cara Mengisi Borang

Contoh 1

| NEGERI | DAERAH | MUKIM | BANDAR | SEKSYEN | J.SHM. | NO. SHM. |
|--------|---------|----------|--------|---------|--------|-------------|
| Pahang | Bentong | Pelangai | T/B | — | EMR | — |
| Ø 6 | Ø 2 | Ø 3 | Ø Ø | Ø Ø | Ø 1 | Ø Ø 1 2 Ø 7 |

NEGERI: Anda dikehendaki menggunakan kod yang disediakan di bawah iaitu kod untuk mengisi ruangan R1 dan R2. Bagi Negeri Pahang kodkan Ø/6. Lihat *Contoh 1*.

| Kod | Negeri | Kod | Negeri |
|-----|--------------------|------|---------------------|
| Ø 1 | Johor | Ø 8 | Perak |
| Ø 2 | Kedah | Ø 9 | Penis |
| Ø 3 | Kelantan | Ø 10 | Selangor |
| Ø 4 | Melaka | 11 | Terengganu |
| Ø 5 | Negeri Sembilan | 12 | Sabah |
| Ø 6 | Pahang | 13 | Sarawak |
| Ø 7 | P.Pinang & S.Perai | 14 | Wilayah Persekutuan |

DAERAH: Negeri Pahang mempunyai 10 buah daerah. Di sini disediakan kod Daerah untuk Negeri Pahang bagi tujuan merekodkan maklumat daerah yang berkenaan ke dalam R3 dan R4.

| Kod | Daerah |
|-----|-------------------|
| Ø 1 | Kuantan |
| Ø 2 | Bentong |
| Ø 3 | Raub |
| Ø 4 | Cameron Highlands |
| Ø 5 | Rompin |
| Ø 6 | Pekan |
| Ø 7 | Jerantut |
| Ø 8 | Lipis |
| Ø 9 | Ternerloh |
| 1 Ø | Maran |

Sila lihat *contoh 1* yang diberi yang mana R3 dan R4 dengan Ø /2 bagi daerah Bentong.

MUKIM: Di bawah ini disediakan kod mukim bagi Daerah Bentong. Cuma terdapat tiga buah mukim sahaja bagi daerah ini.

| Kod | Daerah |
|-----|----------|
| Ø 1 | Bentong |
| Ø 2 | Sebai |
| Ø 3 | Pelangai |

Gunakan kod mukim ini bagi merekodkan nama mukim ke dalam R5 dan R6. Sekiranya DHD itu terletak di dalam kawasan Bandar atau Pekan yang tidak tercatat nama mukim kodkan 00 dalam R5 dan R6 ini. Walau bagaimanapun sekiranya DHD ini berada dalam Pekan yang tercatat nama mukim seperti *Pekan Ketari Mukim Pelangai* anda dikehendaki merekodkan ruangan-ruangan ini seperti berikut:

Contoh 2

| /Ø/6/ | | /Ø/2/ | | /Ø/3/ | | /4/4/ | |
|-------|---|-------|---|-------|---|-------|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 |

BANDAR: Bahagian ini akan digunakan bagi merekodkan maklumat *Bandar atau Pekan*. Bagi Daerah Bentong gunakan kod yang diberikan di bawah ini:

| Kod | Bandar/Pekan (Daerah Bentong) |
|-----|----------------------------------|
| 02 | Bentong |
| 12 | Karak |
| 23 | Manchins |
| 40 | Telemong |
| 44 | Ketari |



Anda dikehendaki kodkan Bandar atau Pekan tersebut ke dalam R7 dan R8. Sekiranya DHD tersebut berada dalam Mukim anda hendaklah merekodkan Ø /Ø menandakan R7 dan R8 tidak berkenaan. *Lihat contoh 1.*

SEKSYEN. Seksyen dirujuk pada Pecahan Bandar atau Pekan. Anda dikehendaki menggunakan kod sebenar bagi tujuan merekodkan ke dalam ruangan-ruangan ini. Misalnya jika Seksyen 4 Bandar Bentong, kodkan Ø/4 dalam R9 dan R1Ø. Sekiranya DHD berada dalam Mukim atau dalam bandar/ pekan yang tidak mempunyai seksyen, anda dikehendaki kodkan ØØ pada R9 dan R1Ø ini menandakan bahagian ini tidak berkenaan. *Lihat Contoh 1.*

JENIS DHD. Jenis Dokumen Hakmilik Daftar adalah geran tanah yang didaftarkan dalam satu-satu daerah unit pentadbiran tanah. Jenis DHD ini adalah 'title' atau tajuk kepada Dokumen Hakmilik. Jadi ianya tercatat di atas Dokumen tersebut. Untuk melicinkan dan memudahkan kerja-kerja pentadbiran dan pengurusan, tiap-tiap Dokumen Hakmilik ini dibukukan atau dijilidkan mengikut jenis-jenisnya tersendiri. Anda dikehendaki menggunakan kod Jenis Dokumen Hakmilik yang terdapat di bawah bagi tujuan merekod dalam R11 dan R12. Lihat contoh 1 yang menunjukkan jenis DHD tersebut adalah F.M.R. iaitu dikodkan sebagai Ø/1 dalam R11 dan R12.

| Kod | Dokumen Hakmilik |
|-----|--|
| Ø 1 | EMR (Extract Mukim Register) |
| Ø 2 | HS(M) (Hakmilik Sementara (Mukim)/QT/(M) |
| Ø 3 | A.A. (Approved Application) |
| Ø 4 | M. Geran (Mukim Geran) |
| Ø 5 | HS(D)(Hakmilik Sementara (Daftar)/QT(R) |
| Ø 6 | C.T. (Certificate of Titles) |
| Ø 7 | GERAN (geran) |
| Ø 8 | P. MUKIM (Pajakan Mukim)/M. Lease |

| Kod | Dokumen Hakmilik |
|-----|--|
| Ø9 | P. NEGERI (Pajakan Negeri)/S. Lease |
| 1Ø | S. GRANT (State Grant) |
| 11 | MINING CERT. (Mining Certificate) |
| 12 | MINING LEASE/Pajak Lombong/Pajak Saham) |
| 13 | MALAY CERT. (Malay Certificate) |
| 14 | AGRICULTURE GRANT |
| 15 | A. LEASE (Agriculture Lease) |
| 16 | T. GRANT (Town Grant) |
| 17 | H.S. (M) Pajakan (Hakmilik Sementara (Mukim) Pajakan/QT(M) Lease. |
| 18 | H.S. (D) Pajakan (Hakmilik Sementara (Daftar) Pajakan/QT(R) Lease. |
| 19 | INTERIM REGISTER. |

NO. DHD: Tiap-tiap DHD mempunyai nombornya. Anda hendaklah menggunakan kod sebenar. Misalnya E.M.R. 12Ø7 yang terdapat pada *contoh 1*. Pada *contoh 1* itu cara merekodkan nombor DHD tersebut adalah ØØ1/2/Ø/7 pada R13 hingga R18.

UNIT, NO. LOT/NOILOT/NO.PT: Anda dikehendaki membezakan di antara No. Lot atau No. Plot atau No. PT dengan menggunakan kod di bawah untuk diisikan dalam R19.

| | | |
|-------|---|----------|
| Kod 1 | = | No. Lot |
| Kod 2 | = | No. Plot |
| Kod 3 | = | No. PT |

Sekiranya Nombor Lot 1ØØ3, anda dikehendaki menggunakan *Kod* dalam R19 dan kodkan Ø/Ø/1/Ø/Ø/3 dalam R2Ø hingga R25.

2. KELUASAN LOT

Gunakan kod unit keluasan untuk diisi dalam bahagian Unit R26.

| Kod | Unit |
|-----|------------------|
| 1 | Ekar, Rood, Pole |
| 2 | Kaki Persegi |
| 3 | Meter Persegi |
| 4 | Hektar |
| 5 | Ekar, Perpuluhan |


